

304 kes kapal karam sektor perairan Pantai Timur sejak sedekad

➔ APMM Wilayah Timur lancar kempen kesedaran pemakaian jaket keselamatan

Oleh Khairulmizan Yahya

bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Sejumlah 304 kejadian kapal karam dan kemalangan di perairan Pantai Timur Semenanjung direkodkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Wilayah Timur sejak 10 tahun lalu.

Pengarahnya, Laksamana Pertama (Maritim), Datuk Mamu Said Alee, berkata kejadian itu membabitkan 1,033 mangsa dengan 623 daripadanya berjaya diselamatkan, 129 disahkan lemas dan 279 lagi gagal ditemui.

“Kita juga sudah melakukan 304 operasi mencari dan menyelamat (SAR) dalam tempoh sama... ini bermakna, setiap kali APMM Wilayah Timur terima laporan kejadian kapal karam atau kema-

langan, kita akan aktifkan SAR.

“Operasi SAR dilancarkan biasanya mengambil masa dan bergantung kepada persekitaran seperti keadaan laut, cuaca dan kesesuaian aset,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Latihan Mencari dan Menyelamat (SAREX) Wilayah Maritim Timur di Ibu Pejabat APMM dekat Indera Mahkota, dekat sini, semalam.

Dedah aspek keselamatan

Mamu berkata, SAREX Siri 10 membabitkan 16 agensi dan jabatan kerajaan, termasuk ejen perkapalan, pengusaha feri dan persatuan nelayan.

Katanya, sepanjang latihan selama tiga hari itu, semua peserta akan didedahkan kepada aspek ke-

selamatan seperti penyediaan dan pemakaian jaket keselamatan serta kelengkapan lain yang penting jika berdepan masalah ketika berada di laut.

“APMM Wilayah Timur juga sentiasa melancarkan program seperti Sahabat Maritim, kempen dan ceramah kesedaran, selain menjalin kerjasama baik dengan persatuan nelayan dan pengusaha bot pelancongan,” katanya.

Fakta
nombor

1,033 MANGSA
terbabit

623
SELAMAT

129
LEMAS

279
HILANG

[FOTO KHAIRULMIZAN YAHYA/BH]



Mamu (depan) bersama peserta program Latihan Mencari dan Menyelamat Siri 10 di pekarangan Pejabat APMM Wilayah Timur Indera Mahkota, semalam.